

Selangor penyumbang tertinggi HFMD

Oleh **PETAH WAZZAN ISKANDAR**

PUTRAJAYA – Selangor menjadi penyumbang tertinggi kes penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) iaitu 26,799 kes bersamaan 27.9 peratus berdasarkan rekod 2022 sehingga Sabtu lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, ia diikuti Kuala Lumpur dan Putrajaya 10,739 kes (11.2 peratus), Perak 9,744 kes (10.2 peratus), Johor 6,326 kes (6.6 peratus) dan Kelantan 6,153 kes (6.4 peratus).

Ujarnya, bagi negeri-negeri lain, pelaporan kes HFMD sekitar atau kurang daripada 5,500 kes.

Bagi tahun ini juga, katanya, sehingga hari terakhir minggu epidemiologi (ME) 23/2022 iaitu pada 11 Jun 2022, sejumlah 95,924 kes telah dilaporkan, iaitu peningkatan sebanyak 36 kali ganda bagi tempoh yang sama pada tahun 2021 (semasa pandemik Covid-19) iaitu 2,654 kes.

“Jika dibandingkan dengan kes bagi tempoh yang sama pada 2019 (sebelum pandemik Covid-19) iaitu sebanyak 30,880 kes, ia menunjukkan peningkatan sebanyak 3.1 kali ganda.

“Bagaimanapun, kes dilaporkan di seluruh negara bagi ME 23/2022 sahaja adalah 13,080, menurun 22.9 peratus berbanding

ME 22/2022 iaitu 16,954 kes di mana tren kes mingguan HFMD menunjukkan penurunan sejak ME 22/2022 selepas bilangan kes mencapai kemuncak tertinggi pada ME 21/2022,” katanya dalam kenyataan semalam.

Katanya, sehingga kini, terdapat tiga kes HFMD yang dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU).

“Kes pertama dan kes kedua dimasukkan ke ICU kerana mengalami komplikasi radang otak (encephalitis) disahkan dijangkiti EV71 dan masih di bawah pemantauan rapi di ICU, manakala kes ketiga telah pun sihat dan dibenarkan pulang ke rumah,” tambah beliau.



MURID-MURID ditekan dengan aspek-aspek kebersihan semasa berada di taska, tadika dan pusat jagaan harian. – GAMBAR HIASAN